

MELIHAT PASANGAN SELEBRITI INI, PASTI RAMAI YANG TERPESONA DENGAN KEAYUAN DAN KETAMPANAN MERKA. BUKAN HANYA HEBAT DI KACA TELEVISYEN, NOORMA AIDAH ZALI, 30, DAN MOHD. SAIFUL NIZAM ISMAIL, 32, INI JUGA ADALAH USAHAWAN MUDA YANG SEMAKIN DIKENALI TERUTAMA DI KALANGAN PEMINAT SETIA KOLEKSI TUDUNG JENAMA CITRAIDA.

HARMONI sendiri sedari awal jenama ini diperkenalkan, sudah acap kali menggunakan khidmat CitrAida untuk ruangan fesyen dan hijab stail. Maklumlah, sentuhan selebriti biasanya mempunyai pengikut yang luar biasa.

Kali ini, kami berpeluang menemu bual pasangan ini berhubung perniagaan tudung mereka yang khabarnya sudah melalui fasa yang cukup memberangsangkan. Bahkan kini, menurut Aida, daripada perniagaan di atas talian atau online sejak tiga tahun yang lalu, mereka sudah berjaya memiliki butik sendiri.

Menurut bekas juara pertandingan Gadis Melayu ini, dia bersyukur kerana akhirnya berjaya merealisasikan impiannya untuk membuka butik dalam masa yang agak singkat. Dengan mengekalkan jenama CitrAida, butik yang terletak di

The Strand, Kota Damansara itu semanginya sudah tidak asing lagi di kalangan penggemar fesyen Muslimah hari ini.


Namun akunya, ia bukanlah jalan mudah untuk mereka biarpun ramai yang berpendapat sebagai selebriti mereka lebih bernasib baik kerana dikenali ramai. Sebaliknya, Aida juga turut berdepan dengan pelbagai dugaan sebelum jenama CitrAida bertapak kukuh. Sebagai isteri, Aida bersyukur mempunyai suami yang senantiasa menjadi pendorong untuk terus bertahan.

"Aida mula berjinak-jinak dalam perniagaan apabila rasa terdetik ingin melakukan sesuatu untuk menambah sumber pendapatan. Biarpun sibuk dalam mengacara namun bagi Aida perniagaan adalah jaminan untuk masa hadapan. Jadi Aida mula terfikir untuk menjual tudung jenama sendiri.

CITRAIDA

LAMBANG CINTA

Aida & Saiful



"Kebetulan pula pengikut di laman sosial Aida ketika itu juga agak ramai, jadi Aida mengambil peluang untuk menjual koleksi CitrAida. Tak sangka ia mendapat sambutan yang cukup menggalakkan.

"Alhamdulillah apa yang Aida lakukan mendapat sokongan suami 100 peratus. Kami bersama-sama melakukannya tanpa mengambil pembantu. Bayangkanlah sambil menjaga orang, kami selitkan waktu untuk mengambil pesanan, membungkus, mengepos dan sebagainya," ujar Aida sambil mengusik si suami yang kelihatan macho di televisyen tetapi apabila di rumah sibuk menguruskan pesanan dan membungkus tudung koleksi CitrAida.

Bagaimanapun katanya, Saiful adalah seorang yang sangat optimis dan komited dengan apa yang mereka



usahakan. Biar pun penat seharian berisiran namun sentiasa ringan tulang membantu Aida dalam mengkomersialkan jenama milik mereka itu.

"Selain daripada menjual dalam talian, Aida juga pernah menempatkan koleksi CitrAida di butik kawan yang terletak di Jalan TAR. Ketika itu, ramai peminat koleksi ini yang pergi ke sana untuk mendapatkan tudung dan ada juga yang membeli secara borong. Biar pun menerima sambutan yang sangat menggalakkan namun dalam masa yang sama juga, ia lebih kepada membantu kawan.

"Sepanjang bergiat aktif dalam talian, sambutan yang kami terima amat mengejutkan. Akhirnya Aida dan suami akur untuk mencari pembantu bagi melancarkan lagi perjalanan bisnes kami ketika itu," ujar pengacara Nasi Lemak Kopi O ini mengenai pengalaman bisnes di atas talian serta ditipu individu tidak bertanggungjawab.

GAMBARAN AIDA

Setelah betul-betul bersedia, pada pertengahan tahun 2015, Aida dan suami akhirnya mengambil keputusan untuk membuka butik dengan wang simpanan sendiri tanpa membuat sebarang pinjaman kewangan. Bersesuaian dengan maksud CitrAida yang membawa makna gambaran Aida, maka Aida mengambil kesempatan menjual apa yang disukai olehnya.

Selain daripada koleksi tudung, Aida juga turut menempatkan koleksi busana kasual, baju kurung, jubah, anak tudung, aksesori dan juga koleksi baju Melayu serta Jubah untuk lelaki yang merupakan koleksi daripada suaminya.

"Sekarang ini tugas Aida sudah semakin berat, bukan mudah untuk memikirkan rekaan-rekaan terkini saban minggu. Disebabkan itu, Aida juga selalu membuat kajian apa yang diminati oleh masyarakat kita dan apa yang tidak disukai oleh mereka. Namun dalam masa yang sama masih elegan dan mengikut syarak. Selain daripada idea yang datang dari peminat CitrAida, Aida juga sedang belajar membuat lakaran dan melukis agar lebih mudah untuk mencipta rekaan sendiri," tuturnya lagi.



Seorang yang cukup optimis untuk berjaya.



Butik CitrAida memenuhi cita rasa kaum adam dan hawa.

Rancak bercerita tentang butik barunya itu, Aida tidak menafikan pembukaan butik tersebut sedikit sebanyak turut membantu membina kredibilitinya dalam perniagaan. Malah kini dia dan suami sedang sibuk merangka strategi untuk mengukuhkan lagi jenama CitrAida dan membuka lebih banyak lagi cawangan di seluruh dalam negara dalam jangka masa panjang.

"Kami juga sedang meneroka peluang dalam perniagaan selain butik. Di bawah syarikat He & She milik kami, Aida dan Saiful juga sedang giat menguruskan program khidmat perundingan untuk syarikat-syarikat swasta serta agensi-agensi

kerajaan. Salah satu skop kami adalah membantu agensi-agensis terbahit cara untuk berhadapan dengan media dan sebagainya agar mereka lebih yakin terhadap kemampuan sendiri. Selain daripada itu, kami juga sedang dalam proses menceburi bidang perniagaan minyak dan gas," ujarnya yang menyatakan ia adalah pelaburan jangka masa panjang untuk mereka sekeluarga.

TOLAK TAWARAN DEMI KELUARGA

Satu ketika dahulu, pasangan ini pernah diuji apabila anak sulung mereka Aida Eirdeena, berdepan dengan masalah



Anak-anak penyanyi Aida Eirdeena



Pasangan muda yang berwawasan jauh.



Saiful bijak mengayakan fesyen lelaki maskulin.

jantung Truncus Arteriosus Type 1 sejak lahir. Ketika itu tumpuan mereka lebih kepada anak kesayangan yang kini sudah pun berusia empat tahun. Biar pun begitu, mereka bersyukur anaknya itu kian pulih biarpun masih memerlukan perhatian rapi. Kini mereka dikurniakan seorang lagi cahaya mata lelaki iaitu Saif Eirham, 1 tahun.

"Tiada kehidupan yang tidak pernah diuji, cuma semuanya terserah pada kita mampu atau tidak untuk menghadapinya. Aida bersyukur kerana dikurniakan seorang suami yang cukup memahami diri ini dan bersama-sama dalam susah mahupun senang. Perkahwinan itu sendiri cukup mencabar apabila kita berjumpa dengan seorang individu lain yang bukan dari darah daging kita sendiri. Jadi kita perlu bersepakat bersama-sama untuk mewujudkan keserasian antara satu sama lain.

"Kadang-kadang demi keluarga, Aida terpaksa menolak tawaran mengacara di luar kawasan yang memerlukan Aida meninggalkan suami dan anak-anak dalam tempoh yang lama. Bagi Aida tidak mengapa berkorban asalkan tidak mengabaikan tanggungjawab Aida pada mereka. Untuk mewujudkan rasa kasih sayang, Aida dan suami berjanji andai salah seorang dari kami merajuk cukuplah sekadar tiga minit sahaja kemudian kami akan berbaik semula.

"Walau sesibuk mana pun, setiap minggu kami pasti meluangkan masa dengan anak-anak dan ada juga masa kami akan berdua tanpa anak-anak. Ketika itu kami terasa seperti pasangan yang baru bercinta," ujar pasangan romantis ini mengakhiri bicara. H